

17 OCT 1996

Mahathir - Marin

SUMBER KAWASAN PESISIR PANTAI HARUS DILINDUNGI, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sumber kawasan pesisir pantai harus dilindungi daripada mereka yang cuma mementingkan kepentingan segera dan jangka pendek.

"Ini kerana kerajaan menyedari bahawa pengurusan sumber kawasan pesisir pantai secara mampan adalah penting demi kepentingan negara untuk jangka panjang," kata beliau pada majlis jamuan sempena ekspo Persatuan Pemasaran dan Peralatan Menyelam (DEMA) '96 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Beliau berkata Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah merumuskan Dasar Kebangsaan bagi Pemeliharaan Sumber Kawasan Pesisir Pantai.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan kementerian mempunyai bahagian alam sekitar masing-masing bagi menangani semua isu alam sekitar dan diharap kesedaran di kalangan penggubal dasar, pihak yang membuat keputusan dan pelaksana projek tentang pentingnya alam sekitar akan membantu ke arah pelaksanaan projek-projek yang mesra alam.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri berpuas hati bahawa sektor swasta peka kepada keperluan bagi penjagaan persekitaran.

Dr Mahathir berkata pemaju projek boleh mengharap jaminan bahawa projek mereka yang tidak memudaratkan alam sekitar akan mendapat kelulusan dan boleh bermula mengikut jadual.

Mereka juga boleh mengurangkan litigasi mahkamah dan pembayaran pampasan.

Beliau berkata pembangunan ekonomi harus mengambil kira pelbagai aspek pembangunan kemanusiaan dan sumber asli kerana semua projek pembangunan besar di negara ini perlu Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

"EIA mengambil kira kesan sosial, fizikal, biologi dan kimi terhadap persekitaran. Pelaksanaan prosedur EIA telah dapat mengurangkan risiko kepada pemaju dan pada masa yang sama membantu memelihara alam sekitar," katanya.

"Pendekatan Persyarikatan Malaysia ialah cara kita bagi memupuk kerjasama antara orang ramai dan sektor awam serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan projek."

Mengenai persekitaran dan sumber marin, beliau berkata tujuan kerajaan ialah untuk melindungi, memaju dan menguruskannya tanpa menjejaskan potensinya daripada segi ekonomi dan rekreasi.

"Untuk dimanfaatkan, keindahan bukan sahaja harus dipelihara tetapi juga dinikmati oleh sebanyak mungkin orang.

"Keindahan yang tersembunyi tidak memberi makna bahkan lebih buruk daripada abstrak ibarat muzik kepada orang pekak dan cahaya kepada si buta," kata beliau.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa dengan usaha yang tertumpu kepada memajukan sumber marin yang indah, memang dijangka bahawa jumlah penyelam laut dalam akan meningkat. Pada masa ini, ada kira-kira 10,000 penyelam yang menyertai sukan itu secara rekreasi di negara ini.

Beliau berharap ekspo itu akan menjadi model yang positif bagi merangsangkan industri membuat peralatan menyelam dan pada masa yang sama mewujudkan kesedaran di kalangan awam tentang perlunya melindungi dan memelihara alam sekitar. -- BERNAMA

ZAB FAZ